


BULETIN

September 2021

BIMB INVESTMENT
A BANK ISLAM
SUBSIDIARY



DALAM ISU BULANINI



***"Selamat Hari Kemerdekaan yang ke-64,
Malaysia!"***

– 31 Ogos –

- ❖ **Pandangan dan Perkembangan**
(Bacaan 2 min)
- ❖ **Melabur dalam keadaan yang mencabar**
(Bacaan 3 min)
- ❖ **Apa yang anda perlu tahu mengenai pelaburan ESG**
(Bacaan 3 min)

Pelabur yang dihormati,

Kami berbesar hati untuk berkongsi dengan anda Buletin kami yang terkini.

Kami berharap anda berada di dalam keadaan yang selamat sepanjang tempoh pandemik ini. Walaupun beberapa sector seosial dan ekonomi kini telah dibuka bagi negeri-negeri di bawah fasa satu dan dua di bawah Program Pemulihan Nasional (NRP), kita harus sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Dapatkan vaksin dengans segera, pakai pelitup muka, jaga jarak fizikal anda daripada orang keliling ketika berada di luar, elakkan tempat yang sesak, kerap mencuci tangan dan pantau kesihatan anda setiap hari.



Pandangan dan Perkembangan

"Merdeka! Merdeka! Merdeka!" Tema sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini adalah "Malaysia Prihatin", sama seperti tahun lalu. Ia menekankan semangat patriotisme, perpaduan dan cinta terhadap negara.

Di dalam buletin ini, kami berkongsi pendapat di bahagian Kewangan Peribadi tentang bagaimana anda boleh melabur di dalam waktu yang mencabar. Artikel kedua kami adalah penjelasan ringkas mengenai pelaburan ESG. BIMB Investment menawarkan 5 dana Shariah-ESG di pelbagai kelas aset dengan pelaburan di pasaran Global, Asia Pasifik, Malaysia dan Sukuk Global.



Di terbitan sebelumnya, kami telah menjelaskan secara ringkas mengenai "TAAT" dan betapa pentingnya konsep tersebut bagi Bank Islam, dan juga anak syarikatnya. Ini pandangan CEO BIMB Investment mengenai salah satu nilai tersebut iaitu; **(T) Pelanggan Diutamakan:**

"Nilai murni TAAT merupakan sebuah asas kejayaan Bank Islam dalam mencapai visi, misi dan matlamatnya. Apabila kita bercakap tentang nilai Pelanggan Diutamakan, pelanggan dan pelabur sentiasa menjadi fokus dan keutamaan utama kami. Kami berpegang kepada tanggungjawab kewangan untuk melindungi kepentingan pelanggan dan pelabur kami. Amat penting bagi kami untuk sentiasa jujur dan telus dalam memberikan semua maklumat kepada pelabur. Penting juga untuk kita memahami tahap risiko pelabur dan memastikan bahawa kita melakukan penilaian kesesuaian produk sebelum melabur dan memberikan nasihat pelaburan yang tepat. " - Najmuddin Mohd Lutfi

Aplikasi BEST Invest oleh BIMB Investment baru-baru telah menerima anugerah *Best Fintech Robo Mobile App (Malaysia)* di anugerah The Asset Triple A Islamic Finance 2021

Pada 18 Ogos 2021, Ketua Pelaburan BIMB Investment, Abd Razak Salimin telah dijemput untuk berucap di program FEM International Mobility Student Webinar mengenai Pengurusan Kewangan - Pelaburan Shariah ESG dan aplikasi BEST Invest. Tema bagi program tersebut adalah "Kemunculan Teknologi bagi Kewangan Islam". Ia merupakan sebuah program kolaborasi di antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Indonesia (UII), Universiti Muhammadiyah Yogyakarta (UMY) dan Universiti Darussalam Gontor (UNIDA GONTOR).



We are grateful to have been honoured with this award by **The Asset**, Asia's leading financial publication for issuers and investors.

To our clients, we wish to thank you for sharing our passion for shariah-sustainable investing.

We look forward to championing this movement together with you.



Kewangan Peribadi

Bagaimana Untuk Melabur Dalam Masa Yang Mencabar

PERSEDEIAAN WANG TUNAI

Memahami bahawa kegawatan ekonomi boleh berlaku di masa hadapan bermakna anda boleh merancangnya hari ini. Berikut adalah lima panduan dan langkah untuk melabur dalam masa yang mencabar.

- Kepelbagaian pelaburan: Memudahkan perjalanan mengharungi pasaran yang tidak menentu.
- Kenali risiko anda: Melabur mengikut tahap risiko anda
- Labur ketika nilai murah: Kumpulkan wang dan laburkan kembali secara beransur
- Dapatkan pendapat kedua: Jangan biarkan keraguan diri menghalang rancangan kewangan anda.



PERCAYA PADA KEPELBAGAIAN

Sekiranya anda melabur untuk mencapai matlamat seperti persaraan, tarikh sasaran, atau memilih kaedah "Do-it-for-me" di aplikasi BEST Invest - kepelbagaian sudahpun diambilkira. Adalah baik sekiranya anda bersikap tegas dan percaya bahawa portfolio anda sudah bersedia untuk mengatasi turun naik pasaran saham. Anda mungkin akan mengalami turun naik jangka pendek, tetapi ini akan membantu anda untuk mengelakkan kerugian yang tidak dapat dipulihkan oleh portfolio anda.



KETAHUI TAHP RISIKO ANDA

Melabur di pasaran saham sememangnya berisiko, tetapi apa yang membuat kemenangan pulangan jangka masa panjang adalah kemampuan untuk menghilangkan rasa tidak senang. Oleh itu, anda harus bersabar dan terus melabur dengan konsisten. Anda akan dapat melakukannya jika anda tahu berapa banyak turun naik yang anda rela untuk menanggung dan potensi pulangan lebih tinggi yang anda mungkin dapatkan jika anda tetap melabur.



BERSEDIA UNTUK MEMBELI KETIKA PASARAN MENURUN

Penurunan pasaran adalah masa yang boleh dimanfaatkan. Caranya adalah, bersiap sedia untuk waktu penurunan ini dan laburkan sejumlah wang untuk mendapatkan harga pelaburan yang sedang merundum. Anda mungkin tidak akan mendapat stok yang terendah, tetapi tidak mengapa. Ini bermakna, anda bersikap oportunitis terhadap pelaburan yang menurut anda, mempunyai potensi jangka panjang yang baik.



DAPATKAN PENDAPAT KEDUA

Kadangkala, pelabur yang yakin boleh menjadi mangsa kepada pemikiran jangka pendek yang berbahaya. Pertimbangkan untuk mendapatkan penasihat kewangan untuk membantu memberikan perspektif mengenai perancangan kewangan anda. Sebenarnya, ia perkara biasa bagi seorang penasihat kewangan untuk mempunyai penasihat kewangan mereka sendiri. Anda juga boleh mendapat seseorang yang boleh dihubungi untuk membincangkan perancangan kewangan anda untuk melalui masa-masa sukar.



Apa Yang Anda Perlu Tahu Mengenai Dana ESG



Anda mungkin pernah dengar mengenai pelaburan ESG dan bagaimana wabak COVID-19 telah memacu trend tersebut. ESG bermaksud Alam sekitar (Environmental), Sosial (Social), dan Tadbir Urus (Governance). Secara ringkas, pelaburan ESG merangkumi segala bentuk pelaburan ke dalam syarikat yang mempunyai rekod prestasi yang baik dari segi operasi perniagaannya yang peka terhadap alam sekitar, menghasilkan produk dan perkhidmatan yang bertanggungjawab secara sosial, dan tadbir urus yang baik di tempat kerja.

Sebilangan besar pelabur menyedari bahawa dana pelaburan dinilai berdasarkan nilai kewangannya. Walau bagaimanapun, bagi dana ESG, beberapa aspek seperti persekitaran tempat kerja yang selamat dan adil, amalan korporat yang mesra alam, dan keseluruhan operasi perniagaan yang beretika adalah penting dan sentiasa diketengahkan. Pelaburan ESG, sebagai contoh, tidak merangkumi syarikat yang menjalankan perniagaan alkohol, tembakau, perjudian, dan senjata tanpa mengira betapa tinggi untungnya.

Sebelum memulakan perjalanan pelaburan ESG anda, berikut adalah 4 perkara yang harus anda ketahui:

1. Dana ESG menangani isu perubahan iklim

Perkembangan pesat di seluruh dunia telah menjadikan hidup kita lebih mudah dan selesa. Malangnya, kadang kala perkembangan pesat boleh mengakibatkan kesan buruk terhadap alam sekitar. Sama ada kita menyadarinya atau tidak, tabiat pelaburan tradisional kita mungkin menyumbang kepada isu perubahan iklim ini melalui pelaburan ke dalam syarikat-syarikat yang memberi kesan negatif kepada alam sekitar. Apabila anda melabur dalam saham sesebuah syarikat, anda juga ikut serta di dalam pertumbuhannya. Sekiranya syarikat tersebut terlibat dengan amalan yang membahayakan alam sekitar, anda juga menjadi sebahagian daripada isu tersebut. Sama seperti syarikat yang mengikuti budaya tempat kerja yang tidak adil seperti gaji rendah, jangka masa kerja yang panjang, bersikap berat sebelah mengikut jantina, etnik dan lain-lain.

Namun, ada juga organisasi yang sedang berusaha ke arah penambahbaikan sektor untuk tidak meninggalkan impak yang negatif terhadap masyarakat serta alam sekitar. Apabila anda melabur di dalam dana yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat ini, anda juga mempromosikan pertumbuhannya secara automatik. Faktor-faktor ESG menjadi lebih utama kerana ia memberi kesan positif terhadap orang ramai dan persekitaran kita. Dari perspektif pelaburan, faktor ESG memberikan kefahaman mengenai cara syarikat tersebut diuruskan dan kemampuan kewangan mereka di masa hadapan. Keputusan pelaburan juga diperbaiki lagi dengan data dan maklumat ESG.

Signatory of:



BIMB Investment adalah satu-satunya pengurus aset Islam yang disokong bank di Malaysia dan Asia Tenggara untuk menjadi penandatangan Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNPRI).

Melalui UNPRI, BIMB Investment komited untuk menerapkan faktor alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) ke dalam keputusan pelaburannya untuk pengurusan risiko yang lebih baik dan menghasilkan pulangan jangka masa panjang yang akhirnya membentuk sebuah masa hadapan yang lestari.



2. Dana ESG menguntungkan seperti pelaburan tradisional

Mitos umum mengenai dana ESG adalah, ianya seakan badan kebajikan yang tidak menghasilkan pulangan yang menarik. Walau bagaimanapun, dana ESG adalah serupa dengan pelaburan-pelaburan lain di mana tumpuannya pada pulangan adalah sama tinggi dengan tumpuannya pada pelaburan yang lestari.

Menurut sebuah artikel daripada [The Edge](#), "Berdasarkan pada lembaran fakta dana, kebanyakan dana ESG di Malaysia telah mengatasi indeks penanda aras mereka sejak awal tahun hingga kini atau pada tahun lalu.

Jumlah yang semakin meningkat ini merupakan sebuah petunjuk yang jelas mengenai bagaimana dana-dana ESG ini, bukanya hanya untuk melindungi bumi semata-mata. Sebaliknya, dana-dana inti adalah produk baik yang berpotensi menawarkan pulangan yang tinggi dan sesuai untuk semua pelabur.

3. Kelestarian yang dapat diukur

Pelaburan lestari merujuk kepada strategi yang mempertimbangkan analisis kewangan di

samping pelaburan ESG. Ia mengukur bagaimana sesebuah syarikat diuruskan dan cara ia menjalankan perniagaannya. Satu penyelidikan telah membuktikan bahawa syarikat yang mempunyai amalan kelestarian yang kukuh menunjukkan prestasi operasi yang lebih baik. Penyelidikan ini menemukan hubungan yang luar biasa di antara amalan perniagaan yang lestari dengan prestasi ekonomi.

Bahagian pertama laporan tersebut menerangkan dari perspektif pengurusan strategik, dengan hasil yang luar biasa: 88% sumber yang dikaji mendapati syarikat yang mempunyai amalan kelestarian yang kukuh, menunjukkan prestasi operasi yang lebih baik, yang akhirnya menghasilkan aliran tunai. Bahagian kedua laporan berdasarkan kajian sebelum ini, di mana 80% kajian menunjukkan bahawa amalan kelestarian yang berhemah mempunyai pengaruh positif terhadap prestasi pelaburan.



BIMB Investment menggunakan Arabesque S-Ray®, sebuah sistem yang menyediakan penyelesaian data bagi seluruh pasaran modal global untuk menilai prestasi kelestarian beberapa syarikat dari seluruh dunia. Teknologi unik oleh Arabesque S-Ray secara sistematik dapat menggabungkan lebih daripada 200 metrik ESG dengan isyarat berita dari lebih 30,000 sumber di 170 negara. S-Ray® menilai syarikat-syarikat di bawah *United Nations Global Compact (UNGC)*.



Teknologi telah lama menjadi sebuah pendorong utama pergerakan pelaburan lestari dengan meningkatkan kecekapan sumber dan memudahkan pencarian model perniagaan baru. Bagi pelabur, teknologi yang sering menggunakan teknologi “*machine learning*” dan kecerdasan buatan (AI), telah menjadi landasan pelaburan ESG, dengan ketelusan yang lebih jelas dan mengukur prestasi faktor bukan tradisional yang mempengaruhi prestasi kewangan jangka panjang.

Sumber: <https://www.arabesque.com/2020/02/04/from-the-stockholder-to-the-stakeholder/>

4. Pelaburan ESG dan pelaburan patuh Shariah mempunyai objektif yang serupa

Pelaburan ESG dan pelaburan patuh shariah mempunyai objektif yang serupa kerana keduanya mempamerkan pengurusan dan nilai masyarakat. Aspek pelaburan berasaskan shariah yang paling terkenal adalah larangan faedah, pinjaman sekuriti dan penjualan jangka masa pendek. Strategi ini juga menggunakan proses penyaringan negatif ketika berurusan dengan industri seperti tembakau, alcohol, kilang bir, senjata dan persenjataan serta produk-produk lain yang tidak halal.

Sebaliknya, pelaburan ESG menggunakan penyaringan positif sebagai kaedah untuk memilih syarikat dengan prestasi yang baik sebagai contoh positif dalam pengurusan produk mesra alam yang terlibat di dalam amalan perniagaan yang bertanggungjawab secara sosial. Oleh itu, data analisis ESG melihat isu-isu yang lebih rumit untuk mengurangkan risiko dan meningkatkan pulangan jangka masa panjang.

Oleh itu, mengintegrasikan faktor ESG bersama amalan kewangan Islam adalah selaras dengan prinsip asas shariah dan mendorong pelabur untuk mendapatkan pulangan pelaburan yang disesuaikan mengikut risiko.

Konklusi

Pelaburan lestari telah berkembang secara mendadak sejak beberapa tahun lepas dan COVID-19 telah mempercepatkan trend ini. Pada tahun 2020 ketika pandemik COVID-19 sedang melanda, pelaburan di dalam dana ESG dilaburkan dengan USD45.6 bilion pada suku pertama 2020.


Secara ringkasnya, berikut adalah 3 perkara utama yang perlu diperhatikan:

- 1. Pelaburan bertemakan Shariah-ESG akan kekal buat masa sekarang:** Pelaburan Shariah-ESG adalah pelaburan yang bertanggungjawab yang memberikan kesan positif terhadap kehidupan masyarakat serta bumi ini. Ia selaras dengan maqasid shariah.
- 2. Teknologi akan memperkasakan pelaburan ESG Shariah:** Dengan teknologi data besar (*big data*) dan AI, data ESG dapat diukur secara kuantitatif.
- 3. Mengeluarkan risiko reputasi tanpa menjelaskan pulangan:** Pelaburan Shariah-ESG adalah sebuah maklumat bukan berbentuk kewangan yang disatukan dalam analisa pelaburan untuk pulangan yang disesuaikan mengikut risiko yang berterusan. Ia menumpukan pada pelaburan jangka masa panjang dan mempunyai portfolio yang pelbagai berdasarkan tahap risiko pelabur.

Pandemik COVID-19 ini adalah suatu perkara yang luar biasa dalam perlbagai cara. Ini merupakan masalah ekonomi dan sosial dan kesannya akan ditempuhi oleh generasi akan datang. Terdapat pelbagai faedah sekiranya melabur di dalam dana ESG. Ia dapat juga menenangkan fikiran anda serta menerima kebaikan yang anda dilakukan ketika menyumbang untuk meningkatkan dan memperbaiki alam sekitar.

Sumber: Morningstar, May, 2020

Dana-dana ESG BIMB Investment



Shariah-ESG Global

- BIMB-Arabesque Global Shariah-ESG Sustainable Equity Fund
- BIMB-Arabesque *i* Global Dividend Fund 1



Shariah-ESG Asia Pasifik

- BIMB-Arabesque Asia Pacific Shariah-ESG Equity Fund



Shariah-ESG Malaysia

- BIMB-Arabesque Malaysia Shariah-ESG Equity Fund



Shariah-ESG Sukuk Global

- BIMB ESG Sukuk Fund



Bagaimana anda boleh mula melabur bersama BIMB Investment?

- Anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan Bank Islam yang terdekat;
- Melabur melalui Perunding Pelaburan Shariah kami yang rasmi; dan

Johor Bahru	No 33B, Jalan Indah 15/2, Taman Bukit Indah, 79100 Nusajaya, Johor.	Tel : 07 -239 5608 Fax : 07 - 239 5609
Kelantan	PT 433 & 434, Tingkat 2, Jalan Padang Garong, 15000 Kota Bharu, Kelantan.	Tel : 09 - 7406118 / 012 - 908 7785
Qfalah Agency, Melaka	Tingkat 1, Taman Masjid Tanah Ria Utama, 78300 Masjid Tanah, Melaka.	Tel : 06 - 385 1076

- Anda juga boleh melabur dengan memuat turun aplikasi *BEST Invest* oleh BIMB Investment di Google Play dan Apple App Store. Dengan aplikasi tersebut, anda boleh mula melabur dari serendah RM10.

Kenyataan:

Spesifik kepada mana-mana dana unit amanah BIMB Investment yang disebutkan di atas, pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus atau Memorandum Maklumat dan tambahannya (jika ada) dan Halaman Serahan Produk (PHS) sebelum melabur, yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) yang tidak akan bertanggungjawab terhadap kandungannya. Salinan Prospektus / Memorandum Maklumat dan PHS boleh didapati di Ibu Pejabat BIMB Investment Management Berhad, di laman web www.bimbinvestment.com.my, perunding unit amanah dan pengedar yang diluluskan dan/atau mana-mana cawangan Bank Islam. Kebenaran SC atau pendaftaran Prospektus / Memorandum Maklumat tidak boleh diambil kira bahawa SC telah mengesyorkan Dana tersebut. Terdapat yuran dan caj yang dikenakan dan pelabur dinasihatkan untuk membandingkan dan mempertimbangkannya sebelum melabur di dalam Dana. Pelaburan di dalam Dana ini terdedah kepada risiko, sila rujuk kepada Prospektus / Memorandum Maklumat untuk maklumat terperinci. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan risiko di dalam Dana dan harus membuat penilaian sendiri mengenai risiko dan mendapatkan nasihat professional, jika perlu, sebelum melabur. Pelabur juga perlu ambil perhatian bahawa harga unit dan agihan yang dibayar, jika ada, boleh turun dan naik. Sebarang isu unit yang berkaitan dengan Prospektus / Memorandum Maklumat hanya akan dibuat setelah penerimaan borang permohonan yang lengkap yang dilampirkan bersama Prospektus / Memorandum Maklumat tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung didalamnya.



Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau maklumbalas mengenai topik masa depan yang ingin anda cadangkan, hantarkan e-mel kepada kami di marketing.bimbinvest@bankislam.com.my

Pastikan anda mengikuti kami di saluran media sosial berikut untuk perkembangan terkini:

Facebook:

[BEST Invest](#)
[BIMB Investment](#)

Instagram:

[BEST Invest](#)
[BIMB Investment](#)

Tentang BIMB Investment Management Berhad

BIMB Investment Management Berhad (“BIMB Investment”) adalah sebuah syarikat pengurusan pelaburan Shariah-ESG yang terkemuka di Malaysia. Anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Bank Islam Malaysia Berhad, BIMB Investment adalah sebuah syarikat pengurusan dana Islam berlesen yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ditubuhkan pada 14 September 1993 dan memulakan operasinya pada 20 Jun 1994, BIMB Investment beribu pejabat di Malaysia.

BIMB Investment dianugerahkan Pengurus Aset dan Dana Islam Terbaik di Malaysia 2017, 2018, 2019, 2020 & 2021 oleh Alpha South East Asia, sebuah penerbitan pelaburan dan kewangan serantau, dan Pengurus Aset ESG terbaik 2019 & 2020 oleh Asset Triple A Islamic Finance.

Kenyataan

Buletin ini disediakan semata-mata untuk tujuan maklumat dan berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada sumber yang boleh dipercayai, tetapi kami tidak membuat sebarang pernyataan atau jaminan serta menerima tanggungjawab mengenai ketepatan, kelengkapan atau kebenarannya. Ungkapan pendapat yang terkandung di sini adalah pendapat BIMB Investment Management Berhad sahaja dan boleh berubah tanpa notis. Buletin ini tidak boleh ditafsirkan sebagai tawaran atau permintaan tawaran untuk membeli, melanggan atau menjual dana unit amanah BIMB Investment Management Berhad. Bagi sesiapa yang ingin bergantung pada maklumat yang dihasilkan dalam buletin ini harus melakukan penilaian risiko dan faedah mereka sendiri atau berunding terus dengan sumber maklumat atau mendapatkan nasihat profesional. Maklumat di dalam buletin ini tidak disemak oleh SC.